

SULIT*

**PEPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09
PE 946/2 V STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09 PERCUBAAN 109
PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09 STPM 2009 109
PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09
PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09
PEPPERCUBAAN STPM 09 PENGAJIAN PERNIAGAAN UBAAN STPM 09
PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09
PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09
PEPPERCUBAAN STPM 09 KERTAS 2 M09 PEPPERCUBAAN STPM 09
PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09
PEPPERCUBAAN STPM 09 PE (3 jam) TPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09
PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09 PEPPERCUBAAN STPM 09**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SETARA STPM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TAHUN 2009**



Arahan kepada calon:

Jawab empat soalan sahaja: semua soalan dalam Bahagian A dan dua soalan dalam Bahagian B.

Semua kerja penghitungan hendaklah ditunjukkan dengan jelas.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [].

**Kertas soalan ini terdiri daripada 5 halaman bercetak
© Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan 2009**

Percubaan STPM 946/2

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan ini tamat

[Lihat sebelah
SULIT*

Bahagian A

Jawab semua soalan.

1. a) Menurut Seksyen 6 Akta Jualan Barang-barang 1957, barang-barang boleh di klasifikasikan kepada *barang sedia ada* atau *barang masa hadapan*.
Jelaskan dua klasifikasi tersebut. [3]
- b) *Hak untuk membuat penyelesaian awal perjanjian* adalah antara hak berkanun penyewa yang termaktub dalam Akta Sewa Beli 1967. Jelaskan maksudnya. [2]
- c) Senaraikan **empat** sifat peribadi usahawan yang berjaya. [2]
- d) Berikut antara tiga jenis koperasi yang wujud di Malaysia.
Perihalkan aktiviti utama masing-masing:
- i. Koperasi Kredit dan Bank
 - ii. Koperasi Pengguna
 - iii. Koperasi Industri Kampung
- [3]
- e) Senaraikan dan terangkan **dua** jenis aktiviti perniagaan antarabangsa. [3]
- f) Jelaskan penggunaan *surat kredit* dalam urusniaga peringkat antarabangsa. [3]
- g) Huraikan maksud *hak kepada keperluan asas*, satu daripada hak pengguna. [2]
- h) Senaraikan **empat** jenis *jenayah kolar putih*. [2]
- i) Berikan definisi *komunikasi*. [2]
- j) Terangkan **tiga** Prinsip Berunding dan Berinteraksi secara Berkesan. [3]
2. a) Huraikan **lima** peranan usahawan dan perniagaannya kepada masyarakat dan negara. [10]
- b) Huraikan **empat** kelebihan dan **empat** kelemahan *mulakan sendiri* perniagaan yang baru. [12]
- c) i. Berikan definisi *francais*.
ii. Senaraikan **lima** jenis *francais* yang utama. [3]

Bahagian B

Jawab dua soalan sahaja.

3. a) Jelaskan **lima** elemen asas *penerimaan* mengikut Akta Kontrak 1950. [10]

b) Perihalkan **tiga** kaedah yang boleh menyebabkan berlakunya *pembubaran perkongsian*. [7]

c) Jelaskan **empat** penggunaan teknologi maklumat dalam aktiviti perniagaan masa kini. [8]

4. a) Terangkan **tiga** teori dan model keusahawanan oleh bidang-bidang berikut:

- i. bidang ekonomi
 - ii. bidang psikologi
 - iii. bidang sosiologi
- [13]

b) Huraikan **empat** jenis kemudahan yang boleh diterokai oleh usahawan tempatan dari pihak swasta di negara ini. [6]

c) Senaraikan **tiga** sasaran suatu *Rancangan Perniagaan* dan jelaskan kegunaan rancangan perniagaan kepada pihak-pihak berkenaan. [6]

5. a) Proses penubuhan koperasi bermula dengan sekumpulan individu yang berminat membuat permohonan kepada Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi melalui Pejabat J.P.K. Wilayah atau Daerah. Setelah mendapat kelulusan daripada J.P.K., sebuah Jawatankuasa Penaja yang terdiri dari sekurang-kurangnya 10 orang dibentuk untuk melaksanakan beberapa tugas-tugas awalan. Ini disusuli pula dengan mengendalikan Mesyuarat Agung Penubuhan dan berakhir dengan penyerahan dokumen pendaftaran kepada Ketua Pendaftar Koperasi tidak lewat dari 7 hari selepas Mesyuarat Agung Penubuhan. Koperasi hanya boleh memulakan aktivitinya setelah menerima Sijil Perakuan yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar.

Jelaskan dengan terperinci tindakan/kerja yang terlibat dalam peringkat-peringkat berikut:

- i. Tugas-tugas awalan Jawatankuasa Penaja Koperasi.
- ii. Mengadakan Mesyuarat Agung Penubuhan Koperasi.
- iii. Penyerahan Dokumen Permohonan Pendaftaran kepada Ketua Pendaftar Koperasi.

[13]

b) Bezakan koperasi dengan syarikat dari segi berikut;

- i. kawalan undang-undang
- ii. kawalan pengurusan
- iii. pengurusan pemasaran

[6]

c) Senaraikan antara **empat** kategori Organisasi Bukan Bermotif Untung mengikut klasifikasi Pendaftar Pertubuhan. Terangkan aktiviti teras organisasi-organisasi ini. [6]

6. a) Berikut antara risiko-risiko berkaitan aktiviti perniagaan peringkat antarabangsa. Perihalkan risiko-risiko tersebut dan jelaskan kaedah menangani risiko-risiko tersebut.

- i. risiko kredit
- ii. risiko pemilikan Negara
- iii. risiko kadar tukaran asing

[9]

b) Huraikan **empat** kaedah *bukan tarif* yang dikuatkuasakan oleh kerajaan dalam usaha membantu pelabur tempatan berkaitan industri muda dan industri kecil dan sederhana berpeluang untuk terus beroperasi dan juga mengembang dalam pasaran dan tidak terjejas oleh saingen dari luar negara. [6]

c) Senaraikan dan terangkan antara **lima** aktiviti/program yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dalam usaha memperkenalkan dan meningkatkan eksport produk pengeluar tempatan ke pasaran antarabangsa. [10]

7. a) Nyatakan dan huraikan **lima** amalan *tanggungjawab sosial korporat* yang umum menurut Boatright (1993). [10]

b) Jelaskan tanggungjawab sosial perniagaan terhadap pihak-pihak berkepentingan berikut:

- i. pembekal barang dan perkhidmatan
- ii. pelanggan
- iii. pekerja
- iv. masyarakat

[6]

c) Senaraikan dan jelaskan **empat** faktor yang dikenalpasti sebagai penyumbang kepada jenayah kolar putih mengikut Teori Punca Berlaku Jenayah Kolar Putih. [9]

8. a) Huraikan tiga bentuk komunikasi berikut:

- i. menegak
- ii. mendatar
- iii. melintang

[6]

b) Jelaskan kaedah komunikasi berikut berpandukan contoh dalam suatu organisasi perniagaan;

- i. ucapan
- ii. pembentangan
- iii. memorandum
- iv. lapuran bertulis

[10]

c) i. Jelaskan **empat** tindakan yang disarankan dalam Garis Panduan untuk Mendapatkan Pendengaran yang Berkesan.

ii Nyatakan **tiga** contoh *bahasa badan* dan mesej berkaitannya. [9]